

18 OCT 2003

OIC-Nama

NAMA OIC TAK SESUAI LAGI - SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Malaysia akan mendapatkan pandangan negara-negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) sama ada perlu nama organisasi itu ditukar selaras dengan perkembangan masa.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata langkah itu sejajar usaha untuk memberikan lebih makna bagi memantapkan pertubuhan mengandungi 57 anggota itu yang ditubuhkan pada tahun 1969.

"Sekarang ia dipanggil OIC, Organisation of the Islamic Conference... nama itu saya fikir dah tak sesuai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan restoran pizza 'DeCenie Pizzeria' di bangunan Wisma Belia di sini hari ini.

"Satu pendekatan kita ialah untuk mendapat pandangan anggota lain apakah perlu kita mengubah nama kita bagi mengambilkira keadaan semasa supaya ia betul-betul mencerminkan pertubuhan atau rangkaian bagi mengadakan kerjasama dan bukan hanya untuk mengadakan persidangan," katanya.

Pembaharuan itu selaras persetujuan para pemimpin OIC supaya diteruskan kajian menyeluruh terhadap sekretariat OIC sepertimana terkandung dalam Deklarasi Putrajaya yang dikeluarkan Sidang Kemuncak ke-10 yang berakhir semalam.

Syed Hamid berharap perunding yang telah dilantik untuk melakukan kajian semula sekretariat OIC dapat mengemukakan laporan, termasuk cadangan-cadangan berkaitan, kepada mesyuarat menteri-menteri luar OIC di Istanbul, tahun depan.

"Kita harap perunding ini semasa mereka mengemukakan laporan pada mesyuarat menteri luar OIC kelak, akan menyatakan semua cadangan ini dan kita akan teliti sama ada sesuai atau tidak kerana sebarang perubahan memerlukan pindaan kepada piagam yang harus mendapat persetujuan sebulat suara. Bukan mudah untuk mendapat persetujuan kesemua 57 negara," katanya.

Langkah meneruskan kajian semula sekretariat OIC itu merupakan antara 12 perkara dalam pelan tindakan yang akan dilakukan oleh OIC bagi memantapkan kedudukannya menghadapi cabaran dunia.

Syed Hamid membidas kenyataan Menteri Luar Itali Franco Frattini yang menyatakan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pembukaan sidang kemuncak itu mengenai orang Yahudi adalah terlalu menyinggung perasaan.

"Dia membuat kenyataan yang tidak berasas berkenaan kenyataan Perdana Menteri...dia lupa Perdana Menteri (Silvio) Berlusconi telah mengeluarkan kenyataan yang secara langsung menghina orang Islam selepas kejadian 11 Sept," katanya.

Syed Hamid bagaimanapun menghargai tindakan Presiden Perancis Jacques Chirac dan Perdana Menteri Greece Costas Simitis menghalang Kesatuan Eropah yang mengakhiri sidang kemuncaknya semalam daripada mengeluarkan kenyataan keras mengutuk Dr Mahathir berhubung kenyataannya itu.

"Mereka nampak lebih begitu matang dan bertanggungjawab," kata Syed Hamid.

Syed Hamid membidas sikap para pemimpin Barat yang membisu terhadap tindakan rejim Tel Aviv ke atas rakyat Palestin.

"Jangan cuba mengalih pandangan...mengapa tidak ada tindakan diambil terhadap Israel memandangkan Perdana Menteri Ariel Sharon baru sahaja mengeluarkan kenyataan yang ia mungkin akan menyerang Syria lagi," katanya.

Mengenai cadangan Singapura agar isu tanah KTM di Tanjung Pagar dirujuk

kepada timbangtara antarabangsa, Syed Hamid mengesahkan bahawa Malaysia ada menerima surat daripada republik itu mengenai perkara berkenaan tetapi belum membuat keputusan mengenainya.

"Kita akan tengok kesesuaiannya dan lepas itu bagi jawapan," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RON